

Najib saran penyelesaian tenaga komprehensif di rantau Asia

12 Jun 2013

KUALA LUMPUR - Negara-negara Asia perlu mencari penyelesaian tenaga yang komprehensif bagi menangani isu tenaga global yang mendesak, dengan mengambil kira perubahan besar yang akan berlaku dalam industri minyak dan gas.

Semasa membuat gesaan berkenaan, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata penyelesaian ini boleh membawa pembangunan dan keuntungan di samping memberikan pertumbuhan jangka panjang yang mampan.

“Kita mesti mencari jalan untuk membawa ekonomi, sosial dan alam sekitar dalam pertimbangan bersama dan menanganinya sebagai satu: penyelesaian tenaga yang komprehensif,” kata beliau dalam ucap tama pada Persidangan Minyak dan Gas Asia 2013 di sini hari ini.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata peranan Petronas dalam membangunkan rizab semula jadi negara dan sumber manusia telah menghasilkan potensi ekonomi Malaysia dapat dipenuhi.

“Dan bersama-sama dengan Petronas, dan seluruh industri tenaga kita, kita perlu mencari jalan ke arah pembangunan mampan, terjamin dan saksama, supaya adanya penyelesaian tenaga menyeluruh yang saya perkatakan terdahulu,” kata beliau. - Bernama